

25 April 2020
KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM BEROPERASI UNTUK KENDERAAN PERDAGANGAN BAGI PEMERIKSAAN BERKALA DAN BERKALA SEMULA MULAI 29 APRIL 2020

Shah Alam, 25 April 2020 – PUSPAKOM akan kembali memulakan operasi Pemeriksaan Berkala dan Berkala Semula bagi kenderaan perdagangan kategori tertentu mulai 29 April 2020 dan akan dibuka kepada pelanggan di semua cawangan PUSPAKOM seluruh negara *kecuali* di Batu Caves, Pandan Mewah, Glenmarie dan Taman Daya. Perkhidmatan Trak Bergerak juga akan beroperasi semula pada tarikh yang sama.

Bergantung kepada lokasi, berikut adalah waktu operasi cawangan:

Lokasi	Hari Operasi	Waktu Operasi
Lembah Klang* Negeri Sembilan* Melaka* Pulau Pinang Perak Perlis Pahang Sabah Sarawak	Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum)	8.00 pagi hingga 5.30 petang
Johor* Kedah Kelantan Terengganu	Ahad hingga Khamis (kecuali cuti umum)	8.00 pagi hingga 5.30 petang

Nota: * melambangkan cawangan yang menawarkan pembaharuan LKM

Kategori kenderaan perdagangan yang boleh diterima oleh PUSPAKOM untuk sementara ini termasuk kenderaan barangan, perkhidmatan awam dan pelancongan. PUSPAKOM akan mengumumkan kelak jika perkhidmatan pemeriksaan-pemeriksaan lain akan beroperasi semula.

Cawangan-cawangan yang dibuka juga akan menyediakan khidmat pembaharuan insurans, sementara cawangan-cawangan di Lembah Klang dan zon selatan yang sebelum ini menawarkan perkhidmatan pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) juga akan menyediakan perkhidmatan tersebut.

TEMPAHAN MELALUI MyPUSPAKOM & SYARAT LAIN

Untuk mengelak kesesakan, PUSPAKOM telah merangka sistem untuk memudahkan semua pihak berurusan:

- a. Semua pelanggan perlu membuat tempahan melalui sistem MyPUSPAKOM sebelum hadir pemeriksaan. Tiada pelanggan **walk-in** akan diterima untuk pemeriksaan **kecuali** untuk kenderaan yang perakuan pemeriksaan telah tamat antara 18 Mac 2020 hingga 28 April 2020.
- b. Bagaimanapun, kumpulan ini perlu merujuk jadual berikut untuk memastikan tarikh yang ditetapkan bagi pemeriksaan kenderaan mereka:
<https://www.puspakom.com.my/news-announcement/>
- c. Kenderaan yang tamat tempoh perakuan pemeriksaan selepas 28 April 2020, diwajibkan membuat temujanji atas talian di MyPUSPAKOM www.mypuspakom.com.my sebelum hadir pemeriksaan.
- d. Semua pelanggan yang ingin hadir menjalani pemeriksaan kenderaan, perlu membawa *Insurance Cover Note* sebagai dokumen tambahan selain kad pendaftaran kenderaan asal dan perakuan pemeriksaan terkini.
- e. Mendaftar di kaunter pendaftaran di cawangan yang dipilih sebelum 4.30 petang.
- f. Hanya seorang pemandu sahaja dibenarkan masuk ke premis pada bila-bila masa.

Di samping itu, semua pelanggan disaran mematuhi langkah-langkah pencegahan penularan Covid-19 dan menjaga kebersihan sepanjang masa:

1. Mengamalkan penjarakkan sosial antara sesama sendiri
2. Wajibkan memakai penutup muka
3. Berada didalam keadaan sihat dan tiada simptom Covid-19

PUSPAKOM mengingatkan bahawa pencegahan penularan wabak Covid-19 adalah tanggungjawab bersama. Sekiranya pelanggan tidak sihat, mengalami simptom batuk, demam, dan sesak nafas atau mempunyai sejarah melancong ke luar negara, anda diminta menangguhkan urusan dengan PUSPAKOM, atau menghantar wakil bagi menjalankan pemeriksaan kenderaan.

Sebarang maklumat terkini berkenaan PUSPAKOM, orang ramai boleh mengikuti Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd atau layari www.puspakom.com.my.
